

SOALAN NO: 457

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATUK SERI DR S SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' JOHARI BIN ABDUL
[SUNGAI PETANI]**

SOALAN :

DATO' JOHARI BIN ABDUL [SUNGAI PETANI] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapa hospital yang terlibat dalam industri pelancongan kesihatan dan berapa bilangan pelancong kesihatan sehingga Ogos 2014 dan berapa pendapatan dijana daripada industri ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Industri pelancongan kesihatan adalah antara sektor perkhidmatan yang berpotensi melonjak pertumbuhan ekonomi negara. Kementerian Kesihatan Malaysia melalui Malaysia Healthcare Travel Council (MHTC) telah merancang pelbagai aktiviti untuk industri ini bagi menjadikan Malaysia sebagai salah satu hub pelancongan kesihatan yang menyediakan khidmat penjagaan kesihatan terunggul di persada antarabangsa. Pada masa ini, 74 fasiliti perubatan swasta dari seluruh negara berdaftar di bawah MHTC untuk mempromosikan pelancongan kesihatan. Kesemua fasiliti itu juga turut menjalankan aktiviti pemasaran dan promosi pelancongan kesihatan dengan menyediakan pakej-pakej rawatan yang menarik dengan kos yang kompetitif.

Inisiatif-inisiatif promosi yang dijalankan telah membawa hasil melalui pertumbuhan pelancongan kesihatan yang menggalakkan. Bilangan pelancong kesihatan ke negara kita sehingga Ogos tahun 2014 adalah 439,678 orang dan jumlah pendapatan yang dijana adalah RM397 juta. Usaha akan terus digiatkan lagi untuk memasarkan Malaysia sebagai destinasi pelancongan kesihatan yang unggul.